KENYATAAN MEDIA
SIASATAN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

LAPORAN SIASATAN SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC) BERHUBUNG TINDAKAN PENGUATKUASAAN TERHADAP PREMIS-PREMIS PEMPROSESAN BUANGAN TERJADUAL (*E-WASTE*) DAN KITAR SEMULA OLEH JABATAN ALAM SEKITAR (JAS)

UNTUK SIARAN SEGERA
22 OKTOBER 2026

EAIC telah menubuhkan satu pasukan petugas di bawah **seksyen 17 Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*]** bagi menjalankan siasatan berhubung tindakan penguatkuasaan oleh JAS terhadap premis-premis kitar semula *E-Waste* di Kawasan Perindustrian Segamat, Johor (selepas ini dirujuk sebagai ”Pasukan Petugas E-Waste Segamat 2.0 (PPE 2.0)”) bertujuan bagi meneliti perkara-perkara seperti berikut:

a) pelaksanaan syor-syor penambahbaikan yang telah dikemukakan oleh EAIC kepada JAS melalui Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 6/2025 (MS Bil. 6/2025) berhubung dengan tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh JAS terhadap premis-premis pemprosesan buangan terjadual (*e-waste*) dan kitar semula di Kawasan Perindustrian Segamat, Johor (Premis-Premis tersebut); dan

b) dakwaan wujudnya isu-isu baharu yang memerlukan siasatan lanjut EAIC berkaitan kegagalan tindakan penguatkuasaan oleh JAS terhadap Premis-Premis tersebut, antaranya, melibatkan isu lesen separa, operasi penguatkuasaan di waktu malam dan kesalahan berulang.

HASIL SIASATAN

1. EAIC telah menjalankan siasatan lanjut berhubung isu-isu aduan yang dinyatakan dan keputusan Mesyuarat Suruhanjaya Bil 10/2026 bertarikh 13 Oktober 2026 mendapati seperti berikut:

a) JAS telah mengambil tindakan penguatkuasaan secara berterusan dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap isu-isu ketidakpatuhan termasuk kesalahan berulang yang telah dilakukan oleh Premis-Premis tersebut;

b) JAS melakukan pemeriksaan secara berkala dan mengenakan tindakan tegas ke atas Premis-Premis tersebut yang didapati melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [***Akta 127***] dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 [***PPKAS 2005***] dan PPKAS (Perlesenan) 1977 [*PPKAS Perlesenan 1977*]; dan

c) selain tindakan mengeluarkan arahan lapangan (*Field Citation*), Notis Arahan dan Kompaun terhadap Premis-Premis tersebut yang didapati melakukan kesalahan, tindakan pendakwaan juga telah dilaksanakan ke atas Premis-Premis tersebut yang didapati melakukan kesalahan di bawah *Akta 127*.

2. Walau bagaimanapun, EAIC mengambil maklum tindakan penguatkuasaan oleh JAS melalui operasi pemeriksaan pada waktu malam hanya dilaksanakan berdasarkan keperluan dan aduan yang diterima. Justeru, JAS disyorkan untuk mempertingkatkan pemeriksaan pada waktu malam bagi memastikan aktiviti premis-premis *e-waste* dapat dipantau dengan lebih berkesan bagi mengesan aktiviti dan kesalahan yang mungkin berlaku di luar waktu pemeriksaan biasa.

3. Susulan daripada siasatan yang telah dijalankan, EAIC turut mengambil maklum bahawa JAS telah mengambil langkah sewajarnya dalam mempercepatkan operasi dan tindakan penguatkuasaan melalui perkara-perkara berikut:

a) meneliti semula dan membuat pindaan penambahbaikan kepada *Standard Operating Procedure* (SOP) Penguatkuasaan JAS yang telah diwujudkan untuk rujukan pegawai JAS;

b) mengambil tindakan segera memuktamadkan garis panduan pelaksanaan kompaun termasuk membuat pindaan kerangka penalti/kompaun melalui pengemaskinian prosedur kompaun selaras dengan pindaan Akta 127 yang berkuat kuasa pada 26 Mac 2025;

c) meningkatkan sistem pengurusan aduan dengan menambah baik sistem myJAS Aduan yang boleh diakses dan dimuat turun oleh orang awam pada bila-bila masa melalui aplikasi *Google Play Store* atau *Apple App Store* bagi memperkukuh tindakan penguatkuasaan; dan

d) melaksanakan latihan berkala secara berterusan melibatkan pegawai JAS pada tahun 2025 dan 2026.

4. EAIC juga mengambil maklum bahawa JAS telah memperkukuh pewakilan kuasa penguatkuasaan melalui Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Pewakilan Kuasa kepada Jabatan Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Perbadanan) 2025 yang berkuat kuasa pada 8 Julai 2025. Pewakilan kuasa ini merupakan antara langkah susulan bagi memperkemas dan memperkukuh pelaksanaan penguatkuasaan oleh pihak-pihak berkaitan.

5. EAIC turut mengambil maklum bahawa agensi-agensi penguatkuasaan telah mula cakna berhubung dengan isu *e-waste* dan mengambil tindakan secara holistik di peringkat nasional melalui penubuhan Pasukan Petugas Khas (PPK) Hala Tuju Pengurusan Penguatkuasaan Pengimportan Sisa Plastik dan E-Waste Dalam Negara yang telah ditubuhkan secara rasmi pada 8 Disember 2025. Operasi penguatkuasaan bersepadu juga telah dijalankan oleh agensi-agensi berkaitan bagi menangani isu pengimportan *e-waste* ke negara ini dan penguatkuasaan ke atas kegiatan premis *e-waste* yang beroperasi secara haram.

6. EAIC kini menzahirkan harapan yang tinggi agar agensi-agensi berkaitan terus menggiatkan usaha dalam menguatkuasakan undang-undang bagi menangani isu *e-waste* secara keseluruhan bagi menjamin pemuliharaan alam sekitar.

7. EAIC akan terus melaksanakan fungsinya selaras dengan **seksyen 4 Akta 700** untuk memantau pelaksanaan undang-undang, SOP dan syor-syor penambahbaikan yang telah dikemukakan oleh EAIC dilaksanakan oleh agensi penguatkuasaan bagi memastikan agensi seliaan EAIC dapat melaksanakan tugas dengan lebih efektif dan berkesan.

#TAMAT#

Untuk maklumat lanjut sila hubungi Unit Komunikasi Korporat EAIC di talian 03 8880 5719/ 5722/ 5721.